

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

TINGKATAN	:	2
MASA	:	40 minit
BIDANG	:	5 Nilai Berkaitan Dengan Hak Asasi Manusia
PEMBELAJARAN		
NILAI	:	5.1 Melindungi Hak Kanak-kanak
KANDUNGAN	:	• Persekitaran mempengaruhi penumbuhan kanak-kanak
AKADEMIK		
TAJUK	:	Persekitaran Selamat Untuk Kanak-Kanak
HASIL	:	Di akhir pelajaran, murid dapat:
PEMBELAJARAN		<i>1. Kognitif Moral</i> (i) Menerangkan kepentingan persekitaran yang selamat dalam melindungi hak kanak-kanak. <i>2. Perasaan Moral</i> (ii) Menyatakan perasaan dan keperluan kanak-kanak hidup dalam persekitaran yang selamat. <i>3. Perlakuan Moral</i> (iii) Mengambil tindakan untuk memelihara persekitaran yang selamat.
PENDEKATAN	:	Penjelasan Nilai Pendekatan Berasaskan Kemahiran
TEKNIK	:	TOC, nyanyian
SUMBER BANTU	:	gambar, kad situasi, kaset dan radio, lirik lagu 'Sinar Harapan'
MENGAJAR		

Permulaan

- (i) Meminta murid mengundi sama ada merasa selamat atau tidak dalam tempat yang berikut:
- rumah
 - sekolah
 - tempat awam seperti di kawasan kampung, tempat membeli belah, taman rekreasi dan jalanraya.
- Meminta beberapa murid memperjelaskan pandangan mereka.
- (ii) Memperkenalkan tajuk pelajaran.

Aktiviti 1

- (i) Menerangkan aktiviti yang akan dijalankan adalah mengenai hak kanak-kanak untuk hidup dalam persekitaran yang selamat.
- (ii) Bahagikan kelas kepada kumpulan kecil yang *heterogeneous*.
- (iii) Membimbing murid menggunakan TOC untuk berbincang perasaan dan kesan terhadap keselamatan kanak-kanak yang hidup dalam pelbagai persekitaran seperti yang berikut:

- keganasan rumah tangga
 - keluarga yang bahagia
 - buli di sekolah
 - sekolah penyayang
- (iv) Meminta setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan dalam bentuk grafik.
- (v) Menyoal murid dengan soalan berkaitan hak kanak-kanak seperti yang berikut:
- Persekitaran yang manakah kanak-kanak akan berasa selamat? Kenapa?
 - Adakah anda bersetuju bahawa anda dan rakan anda sebagai kanak-kanak berhak hidup dalam persekitaran yang selamat?
- (vi) Mengaitkan hak asasi kanak-kanak dengan aktiviti yang telah dijalankan.

Aktiviti 2

- (i) Mengedarkan lirik lagu 'Sinar Harapan'
- (ii) Meminta murid menyanyi bersama-sama lagu 'Sinar Harapan' yang dimainkan.
- (iii) Membimbing murid memahami harapan kanak-kanak yang terkandung dalam lagu yang dimainkan.
- (iv) Bahagikan kelas kepada kumpulan kecil yang *heterogeneous*.
- (v) Mengarahkan setiap kumpulan memberi tindakan yang perlu diambil untuk memelihara persekitaran yang selamat di tempat yang berikut:
- Rumah
 - Sekolah
 - Tempat awam
- (vi) Meminta setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan
- (vii) Mengaitkan hasil perbincangan murid dengan lagu yang dimainkan.

Penutup

- (i) Membimbing murid mengenalpasti nilai yang perlu diamalkan oleh seseorang yang melindungi hak asasi kanak-kanak hidup dalam persekitaran yang selamat.
- (ii) Mengaitkan nilai dan kandungan akademik pelajaran yang telah dibelajari.

Refleksi/Penilaian

:
Guru meminta murid mencari maklumat dalam internet atau surat khabar tentang kes yang berkaitan dengan hak asasi kanak-kanak hidup dalam persekitaran yang selamat seperti kes penganiayaan kanak-kanak, buruh kanak-kanak dan pembunuhan kanak-kanak

Lampiran 1

'Sinar Harapan'

Di dunia ini
Kau berikan kami
Pengertian, perlindungan
Tidak kenal bangsa atau rupa
Semua tidak berbeza

Dipersada kini
Kau teguhkan kini
Perpaduan, kedamaian
Kami tersenyum, kami gembira
Hilang duka dan derita

Curahkan berlaian mesra
Berikan kami pendidikan mulia

Ada rasa cinta
Sesama insan serata dunia
Berilah sinar harapan
Bimbinglah kami semua
Dunia pasti aman
Dengan kasih sayan

Yang Maha Kuasa
Restulah hamba
Ketenangan, keyakinan
Tabah menjalani perjuangan
Dengan penuh keazaman

Lagu: Zaidi Mohd Nor
Lirik: Diah Soraya